



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1986

**PINDAAN GAJI HARIAN BAGI PEGAWAI SAMBILAN SETARAF
DENGAN KUMPULAN D DALAM PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 4 TAHUN 1986**

1. Tujuan

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk meminda kadar gaji harian bagi Pegawai Sambilan yang mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran dan kelulusan yang rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perenggan 3.1 (b) dan (c) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1986.

2. Latar Belakang

2.1 Kerajaan telah meluluskan tambahan kepada pelarasan gaji bagi pekerja-pekerja dalam Kumpulan D melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1986 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 1986. Selaras dengan pelarasan tersebut, kadar gaji harian bagi Pegawai Sambilan yang setaraf dengan pekerja dalam Kumpulan D perlu disemak semula.

3. Kadar Baru

3.1 Kadar gaji harian bagi Pegawai Sambilan adalah dipinda seperti berikut:

<i>Kelulusan Akademik</i>	<i>Kadar Gaji Harian Sekarang</i>	<i>Kadar Gaji Harian Baru</i>
(a) Sijil Rendah Pelajaran Malaysia	\$12.50	\$13.00
(b) Kelulusan rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran	\$10.50	\$11.00

3.2 Kadar gaji harian bagi Pegawai Sambilan yang mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perenggan 23 (a) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 hendaklah terus dipakai.

3.3 Kadar gaji harian bagi Pegawai Sambilan yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perenggan 3.1 (a) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1986 juga terus dipakai.

3.4 Kadar bayaran gaji harian pekerja-pekerja sambilan ditetapkan mengikut kelulusan yang diperlukan oleh sesuatu jawatan yang akan disandang oleh Pekerja-pekerja tersebut. Ini bermakna seseorang pekerja sambilan tidak boleh dibayar gaji harian semata-mata kerana ia memiliki sesuatu kelulusan yang lebih tinggi daripada yang diperlukan oleh jawatan berkenaan.

4. Tarikh Kuatkuasa

4.1 Tarikh kuatkuasa kadar baru gaji harian di perenggan 3.1 (a) dan (b) di atas adalah mulai 1 Jun 1986.

5. Pembatalan

5.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, perenggan 3.1 (b) dan (c) di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1986 adalah dibatalkan.

DATO' WAN MANSOR BIN ABDULLAH,
*Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

25 September, 1986.